PART 1

studytips.com.my

2025 SPM SEJARAH

Prediction

by Intelligent Team
@studytips.com.my

Strategi Bijak Skor SPM

*Pembelajaran 100% dijamin percuma. CEPAT, TEPAT dan HEBAT.
*Tidak perlu buang masa membuat perancangan sendiri.
*Semua ramalan soalan termasuk jawapan dibekalkan

The best FREE *studytips* apps
Download now from
studytips.com.my

PART 1

RAMALAN 2025 SPM SEJARAH

SPM KERTAS 2			RAMALAN
2021	**2022**	**2023**	**2025**
TINGKATAN 4 BAB 1: WARISAN NEGARA BANGSA			
Kerajaan Alam Melayu - ciri-ciri negara bangsa - cara menjadi negara cemerlang	**KMM** - Pentadbiran - Ciri-ciri - Rukun negara Ke-2		**KMM** = kepentingan undang / hukum = peranan pembesar / raja
TINGKATAN 4 BAB 2: NASIONALISME			
		- Peranan golongan intelektual agama - Kesan dalam politik / ekonomi - Perjuangan intelektual kepentingan / peranan / iktibar	- Faktor kemunculan Nasionalisme **SPM'24** - Kepentingan Semangat patriotisme **SPM'24** - **Intelektual** Melayu & Inggeris / MPSI - **Penulisan** / akhbar / persatuan
TINGKATAN 4 BAB 3: PENDUDUKAN JEPUN			
	Pendudukan Jepun - Faktor / Kesan - Dasar pentadbiran	- Tujuan penjajahan - Tujuan akhbar - Tujuan slogan	- **PD 2:** Faktor/ tamat**SPM'24** - penentangan terhadap Jepun / dasar ekonomi/ sosial/ pendidikan Jepun - PD 1 - Faktor / kesan / elak

STRATEGI

Untuk Skor SPM, mesti ada **strategi.** Tidak boleh pakai tembak membabi buta Sahaja. Spm adalah masa depan anda! Ikut sahaja strategi pembelajaran yang disediakan strategi "slow and steady". Setiap "part" meliputi tiga Bab sahaja. Senang sahaja. Hanya perlu hafalkan 2 atau soalan ramalan sahaja. Bukannya susah sangat. Jawapan pun telah dibekalkan. Insyaallah, terkena tepat nanti, anda pasti skor dengat syarat **tidak terlupa.** Tidak perlu buat persiapan sendiri. Semua telah disediakan. Tips Uncle Andrew memang terbukti banyak yang Kena Tepat setiap tahun. Cuba tanya murid-murid tahun-tahun lepas!

Uncle Andrew

PART 1

Ramalan 2025 SPM SEJARAH
Contoh Soalan dan Jawapan

TINGKATAN 4 BAB 1: WARISAN NEGARA BANGSA

1. Jadual berikut berkaitan kerajaan yang telah menerima ciri-ciri negara bangsa daripada kerajaan Alam Melayu.

Masa	Kerajaan
Abad ke-7	Kerajaan Srivijaya
Abad ke-15	Kerajaan Johor
Abad ke-16	Kerajaan Johor-Riau

(a) Nyatakan ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu tersebut? [2 markah]

Ciri-ciri negara bangsa kerajaan Alam Melayu ialah kerajaan Alam Melayu mempunyai raja yang menjadi tonggak utama kerajaan. Selain itu, kerajaan Alam Melayu mempunyai undang-undang bagi memastikan kesejahteraan kerajaan. Contohnya, Kutara Munawa

(b) Hubungan timbal balik antara pemerintah dan rakyat telah mengukuhkan negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka.
Nyatakan peranan golongan berikut:

(i) Peranan pemerintah [2 markah]

Peranan Sultan dan pembesar ialah sultan menaungi keselamatan rakyat dan memperkenalkan undang-undang bagi mengawal rakyat. Manakala, peranan pembesar pula ,memelihara keamanan dan menjadi perantara antara sultan dengan rakyat.

(ii) Peranan rakyat [2 markah]

Peranan rakyat ialah rakyat taat setia kepada pemerintah dan mereka akan patuh segala arahan serta mereka tidak akan menderhaka. Selain itu, rakyat akan menjadi tentera dan hadiri majlis umum.

(c) Mengapakah hubungan baik antara pemerintah dan rakyat dalam sesebuah negara perlu dipertahankan? [4 markah]

Hubungan pemerintah dan rakyat perlu dipertahankan kerana hubungan baik akan menjamin kesejahteraan sesebuah kerajaan. Hal ini kerana rakyat akan patuh kepada pemerintah dan pemerintah pula akan menjaga kebajikan rakyat. Kesannya, pemberontakan daripada rakyat dapat dielakkan. Ini akan menjamin kedaulatan sesebuah kerajaan.

2. Keunggulan kerajaan Kesultanan Melayu Melaka dapat dilihat dalam sistem perundangan dan pentadbiran.

(a) Nyatakan dua jawatan dalam Sistem Pembesar Berempat? [2 markah]

JawatanPembesar Berempat ialah Bendahara. Selain itu, Temenggung. Seterusnya, Penghulu Bendahari dan Laksamana.

(b) Kerajaan Melayu Melaka mengamalkan undang-undang yang berasaskan syariah dan hukum adat iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka.

Studytips.com.my

Apakah kandungan undang-undang tersebut? [4 markah]

Kandungan undang-undang tersebut ialah Hukum Kanun Melaka(HKM) mengandungi perkara jenayah dan peranan sultan . Selain itu, HKM mengandungi perkara kekeluargaan. Selain itu, Undang-undang Laut Melaka (UULM) pula , mengandungi perkara jenayah di atas kapal dan peranan nakhoda. Selain itu, UULM mengandungi perkara berkaitan pelayaran.

(c) Jelaskan kepentingan perkara-perkara berikut kepada sesebuah negara? [4 markah]

Kepentingan undang-undang yang adil dan sistem pentadbiran tersusun ialah sesebuah kerajaan akan menjadi sebuah kerajaan yang unggul . Hal ini kerana pentadbiran negara akan menjadi lancar dan keselamatan rakyat turut terjamin. Contohnya, kerajaan Melayu Melaka menjadi sebuah pusat perdagangan yang unggul di Alam Melayu. Oleh itu, kecekapan pentadbiran dan keadilan undang- undang akan membolehkan imej sesebuah negara akan dikenali di seluruh pelusuk dunia.

TINGKATAN 4 BAB 2: NASIONALISME

1. Maktab Pergurauan Sultan Idris (SITC) melahirkan ramai tokoh kepada negara. Ditubuhkan di Tanjung Malim Perak pada 1922.

a) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda,apakah peranan institusi di atas dalam melahirkan semangat kesedaran bangsa ? [3 markah]

F1 Melahirkan golongan penulis
F2 Wujud pejabat karang-mengarang
F3 Menjadi taman ilmu
F4 Kurikulum menitikberatkan mata pelajaran sejarah meningkatkan kesedaran kepada penuntut
F5 Wujud Pertubuhan Ikatan Pemuda Pelajar/ Ikatan semenanjung Borneo/ Kesatuan Melayu Muda

b) Apakah kepentingan persatuan kepada pembangunan negara ? [3 markah]

F1 Dapat menyatukan Masyarakat
F2 Mewujudkan perpaduan Masyarakat
F3 Hak rakyat dapat dibela
F4 Segala masalah dapat diselesaikan segera

c) Sebagai seorang yang cinta kepada negara, apakah cara yang boleh dilakukan bagi mewujudkan kesetiaan kepada negara? [4 markah]

F1 Mengibarkan bendera negara
F2 Mengambil bahagian dalam aktiviti negara
F3 Mengadakan kempen sayangi negara
F4 Menyokong usaha kerajaan
F5 Menghayati Prinsip Rukun Negara
F6 Mematuhi undang-undang negara
F7 Taat kepada pemerintah
F8 Menghormati pemimpin

2. Kesedaran nasionalisme telah ditelusuri sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga awal abad ke-20.

(a) Jelaskan latar belakang kesedaran nasionalisme di negara kita [6 markah]

F1 Bermula sejak zaman Kesultanan Melayu Melaka
H1a Dipimpin Sultan Muzaffar Shah/ Sultan Mahmud Shah
H1b Berusaha mendapatkan kembali Melaka daripada Portugis
H1c Melakukan tiga kali serangan terhadap Portugis
F2 Perjuangan Sultan Kedah/ Sultan Abdullah Mukarram Shah terhadap Syarikat Hindia Timur (SHTI)
H2a Berusaha mendapatkan kembali Pulau Pinang
H2b Perjuangan awal menentang British di Kedah
F3 Perjuangan pemimpin tempatan menentang penjajah/ British
C3a Penghulu Dol Said/ Dato' Maharaja Lela/ Dato' Bahaman/ Rentap/ Mat Salleh/ Tok Janggut/ Haji Abdul Rahman Limbong
H3a Perjuangan bersifat setempat
H3b Menuntut kebebasan daripada ancaman luar
H3c Untuk kedaulatan wilayah masing-masing
H3d Mendapat reaksi/ tindak balas keras daripada penjajah
H3e Memaksa pergerakan secara sederhana
F4 Perjuangan tokoh agama
H4a Dipelopori oleh Gerakan Isiah
C4a Sheikh Muhammad Tahir Jalaluddin/ Haji Abbas Mohd Taha/ Syed Sheikh al-Nadi melalui penulisan kreatif dan akhbar
H4b Zainal Abidin Ahmad (Zata)/ Muhammad Rakawi Yusuf/ Abdul Rahim
C4b Kajai/ Hajah Zainon Munshi Sulaiman (Ibu Zain)/ Fatimah Yaakub
H4c Perjuangan melalui pertubuhan sosioekonomi Golongan berpendidikan Inggeris dan Melayu
H4d Ibrahim Haji Yaakob/ Ishak Haji Muhammad/ Ahmad Boestaman/ Burhanuddin al-Helmi
C4d Menghadapi kekangan kewangan/ halangan undang-undang/ pengawasan ketat pemerintah
H4e Perjuangan mengkritik penjajah
H4f Menyedarkan masyarakat

(b) Maklumat berikut berkaitan dengan faktor kemunculan gerakan nasionalisme di Tanah Melayu.

• Media cetak • Penulisan kreatif • Sistem pendidikan

Terangkan faktor tersebut. [6 markah]

F1 Media cetak
H1a Akhbar dan majalah
C1a Berperanan sebagai penyalur maklumat/ penyebar berita Akhbar Jawi Peranakan menegur campur tangan British dalam soal agama Islam/ isu Bahasa Melayu
C1b Akhbar Sekola Melayu digunakan sebagai bahan bacaan
C1c Al-/man, Neracha, Pengasuh memuatkan idea pembaharuan
C1d Fajar Sarawak menjadi wadah mengkritik dasar pemerintahan Brooke
H1d Brooke mengabaikan hak dan kepentingan bumiputera Sarawak
F2 Penulisan kreatif
H2a Novel, cerpen dan puisi menjadi wadah untuk mengungkap keperitan hidup bangsa yang dijajah keperitan hidup
C2a menaikkan semangat rakyat untuk memahami realiti hidup yang dijajah

Studytips.com.my

C2b Novel Melor Kuala Lumpur oleh harun Aminurrashid
C2c Cerpen Cerita Awang Putat oleh Abdul Rahim Kajai
C2d Karya Pak Sako menyindir penjajah dan mengingatkan anak bangsa akan kepentingan menikmati kebebasan

Sistem pendidikan

F3 Pendidikan moden Islam melalui penubuhan madrasah
H3a Meniup semangat baharu dalam kalangan pelajar
C3a Madrasah al-Attas (Johor Bahru)/ Madrasah al-Masyhur (Pulau Pinang)/ Madrasah al-Idrisiyah (Kuala Kangsar)
H3b Menerima idea nasionalisme melalui ulama Kaum Muda
H3c Raffles Institution (Singapura)/ Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK)/ Maktab Perguruan Sultan Idris (SITC) melahirkan golongan pemimpin
H3d Menuntut hak untuk mendapatkan pendidikan
H3e Pelajar didedahkan dengan idea tokoh falsafah Islam dan Barat
H3f Mendesak British melakukan pembaharuan
H3g SITC menjadi medan ilmu dan menghasilkan karya nasionalisme

(c) Baca petikan berikut.

"Bagi mengembalikan semangat patriotisme, sejarah dan sivik mesti dijadikan landasan kerana melaluinya manusia semasa dapat mempelajari segala liku-liku yang terpaksa ditempuhi oleh generasi sebelumnya untuk mewariskan sebuah kehidupan bagi generasi berikutnya. Pengorbanan tokoh-tokoh zaman silam mestilah dikenang dengan sebaik-baiknya kerana mereka merupakan sejarah perjuangan gemilang untuk memartabatkan patriotisme negara"

Sumber : https://www.sinarharian.com.my
Patriotisme Bukan Sekadar Semangat
©2018 Hakcipta terpelihara Kumpulan Karangkraf

Huraikan makiumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan berikan kesan sekiranya perkara itu diabaikan? [8 markah]

-Kepentingan mengembalikan semangat patriotisme
-Menjadikan sejarah dan sivik sebagai landasan
-Mempelajari mengenai liku-liku perjuangan tokoh
-Mewariskan kehidupan kepada generasi kini
-Mengenang pengorbanan tokoh silam
-Memartabatkan patriotisme negara
-Tiada semangat cintakan negara
-Sukar mewujudkan perpaduan
-Negara tidak aman -Generasi muda buta sejarah
-Tidak dapat menikmati kebebasan

Studytips.com.my

TINGKATAN 4 BAB 3: KONFLIK DUNIA DAN PENDUDUKAN JEPUN

. Makumat berikut berkaitan Perang Dunia Pertama

Tempoh	28 Julai 1914 hingga 11 November 1918
Lokasi	Eropah, Afrika dan Timur Tengah
Pihak terlibat	Pihak Bersekutu dan Pihak Kuasa Tengah

Mangsa Perang Dunia Pertama					
Kuasa Bersekukutu			**Kuasa Tengah**		
Mati	**Cedera**	**Hilang**	**Mati**	**Cedera**	**Hilang**
5,525,000	12,831,500	4,121,000	4,386,000	8,388,000	3,629,000

(a) Apakah faktor berlakunya perang tersebut? [6 markah]

Faktor berlakunya perang Dunia Pertama kerana berlakunya persaingan antara kuasa imperialis Barat untuk meluaskan tanah jajahan mereka yang disebabkan berlakunya Revolusi Industri di Eropah. Hal ini menyebabkan mereka berlumba-lumba mendapatkan bekalan bahan mentah seperti getah dan bijih timah . Selain itu, wujudnya pakatan ketenteraan seperti Pakatan Bertiga dan Pakatan Kuasa Tengah.

(b) Apakah kesan Perang Dunia Pertama terhadap negara yang terlibat? [6 markah]

Kesan Perang Dunia terhadap negara yang terlibat ialah wujudnya Perjanjian Versailles yang telah merugikan negara yang kalah seperti Jerman yang terpaksa membayar pampasan perang yang tinggi serta kehilangan tanah jajahan. Selain itu, Jerman juga terpaksa menyerahkan wilayah Rhineland yang kaya dengan bahan mentah kepada Perancis. Seterusnya, keruntuhan sistem beraja di Eropah seperti di Rusia dan Turki melalui revolusi yang dicetuskan rakyat.

(c) Gambar berikut berkaitan dengan kesan Perang Dunia Pertama.

Merujuk kepada gambar berikut bagaimanakah peperangan ini dapat dielakkan? [8 markah]

Peperangan dapat dielakkan dengan cara kedua-dua pihak yang bertelagah perlu berunding. Hal ini kerana untuk membentuk perjanjian damai bagi mengelakkan jumlah korban yang besar. Selain itu, PBB sebagai badan yang menjaga keamanan dunia perlu menjadi orang tengah. Seterusnya, rundingan mesti adil kepada kedua-dua pihak yang

berperang dan mengadakan gencatan senjata sebagai langkah jangka pendek. Selanjutnya, PBB perlu menghantar misi pengaman dan pemerhati ke negara yang bergolak. Di samping itu, kuasa besar tidak campurtangan dalam negara yang bertelagah. Akhir sekali, PBB perlu mengadakan kempen hidup bersama tanpa peperangan dan setiap negara perlu mendukung prinsip PBB iaitu ‘ hidup bersama secara aman.

2. Gambar di bawah menunjukkan Anggota Rejimen Askar Melayu gigih menjalani latihan.

(a) Jelaskan dasar ekonomi yang diperkenalkan oleh Jepun di negara kita. [4 markah]

F1 Pentadbiran tentera jepun melaksanakan sistem ekonomi kawalan.
F2 Rancangan pengeluaran lima tahun dan Jawatankuasa Penyelidikan Bahan diperkenal
H2a untuk mengawal selia pelupusan barangan
H2b dan membuat penyelidikan kegunaan baharu bagi sumber tempatan.
F3 Rancangan Perindustrian Lima Tahun diperkenalkan.
H3a memastikan penggunaan optimum peralatan dan kemudahan sedia ada
F4 Mata wang Jepun menggantikan mata wang yang digunakan oleh British.
F5 Mata wang Jepun dicetak tanpa kawalan menyebabkan berlaku inflasi
H5a kerana banyak wang tetapi kekurangan barangan di pasaran.

(b) Terangkan perjuangan rakyat menentang pendudukan Jepun melalui:
(i) Force 136. [4 markah]
(ii) Rejimen Askar Melayu. [4 markah]

(b) (i) Force 136
F1 Mendapat latihan di India dan Sri Lanka.
F2 Kemudian dihantar ke Tanah Melayu melalui kapal selam atau diturunkan melalui payung terjun dari kapal terbang
F3 Bertujuan mendapatkan sokongan orang Melayu dan menubuhkan pasukan gerila anti-Jepun.
F4 Menjalankan aktiviti rahsia.
H4a seperti mengumpul maklumat, melakukan sabotaj dan menyebarkan propaganda
F5 Membuat persiapan untuk British melancarkan Operasi Zipper
H5a untuk menawan Tanah Melayu semula pada tahun 1945.

(ii) Rejimen Askar Melayu;
F1 Bersama tentera British menentang pendaratan tentera Jepun di Kelantan
F2 Pertempuran di Singapura menunjukkan semangat juang yang tinggi.
F3 Lefternan Adnan Saidi bertempur di Bukit Candu, Singapura sehingga kehabisan peluru.
F4 Lefternan Adnan Alta Ditta MC menyelamatkan hampir 2,000 orang tentera Bersekutu yang terperangkap di kawasan pantai Johor.

(c) Petikan berikut merupakan puisi Tun Dr Mahathir Mohamad, “Perjuangan Belum Selesai”.

Studytips.com.my

Bukan kecil tugas kita
Meneruskan perjuangan kemerdekaan negara
Kerana rupanya selain memerdekakan,
Mengisi kemerdekaan itu jauh lebih sengsara

Berikan cadangan anda untuk menjamin kemerdekaan dan kedaulatan negara terus berkekalan. [8 markah]

F1 Mengukuhkan perpaduan kaum.
F2 Berganding bahu memajukan ekonomi negara.
F3 Berhati-hati dengan muslihat kuasa asing.
F4 Menguatkan sektor ketenteraan.
F5 Memastikan kestabilan politik negara.
F6 Mengelakkan huru-hara, rusuhan dan demonstrasi jalanan.
F7 berusaha memajukan diri dengan ilmu, kemahiran dan teknologi terkini.
F8 Mengelakkan daripada meminta campurtangan kuasa luar dalam politik negara.

LET SCORE A in SPM !

- Contoh soalan jawapan diberi adalah berdasarkan Ramalan SPM 2025
- Untuk pemahaman sepenuhnya, sila rujuk pada nota buku teks atau nota ringkas pada studytips apps.
- Kita pecahkan rekod SPM kali ini

Terms & Conditions
- The information provided is for education purposes only and should not be considered as leak of question papers.
- The organizer disclaims all liability for any loss, damage or personal suffered directly or indirectly from reliance on such information
- The tips provided are considered as **forecast questions** and there is no warranty of its accuracy
- However all effort has been made to provide the most possible tips towards SPM questions.

This PROJECT IS FREE
ONLY THOSE WHO WANT TO SCORE, NEED TO JOIN
REMEMBER: We are just trying to help!

Semua Hak Cipta Terpelihara telah berdaftar dengan Perbadanan Harta Intelek Malaysia. Tiada sebarang bahagian dalam buku ini boleh diterbitkan semula atau dionlinekan. Mereka yang melanggar boleh didakwa.